

UMS buka peluang ijazah kepada anggota TLDM

UB 23.10.2014 B4

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) membuka peluang kepada anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) untuk memiliki ijazah apabila bakal memperkenalkan pengajian ijazah sarjana muda dalam bidang penyelidikan berkaitan pertahanan kepada anggota dan pegawai pasukan itu.

Perkara itu bakal terlaksana mulai tahun hadapan hasil satu pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara TLDM dan UMS yang berlangsung di Markas Angkatan Tentera, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Menurut Timbalan Ketua Staf Sumber Manusia TLDM Laksamana Muda Datuk Anuwar Mad Said, program ijazah yang memakan masa antara tiga tahun itu bertujuan memberi peluang kepada



ISMAIL (kiri) dan Mohd. Harun menandatangani perjanjian persefahaman.

anggota dan pegawai TLDM untuk melanjutkan pengajian di peringkat lebih tinggi di samping berkhidmat kepada negara.

Katanya, pada masa ini

peluang pengajian itu akan dibuka khusus kepada anggota dan pegawai yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak kerana kursus pengajian diadakan di

kampus UMS.

“Jalinan kerjasama antara UMS dan TLDM telah bermula sejak tahun 2009 yang antara lainnya bagi membincangkan

dan merangka beberapa program khusus dan bersesuaian kepada anggota TLDM untuk menyambung pengajian dan latihan selama empat hingga lima tahun di Perancis,” katanya.

Pada majlis itu, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Datuk Seri Ismail Ahmad menandatangani MoU bagi pihak kementerian, sambil disaksikan oleh Panglima Tentera Laut Laksamana

Tan Sri Abdul Aziz Jaafar, manakala UMS diwakili oleh Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah, dan disaksikan oleh Pendaftar UMS Datuk Abdullah Mohd Said.



ISMAIL (kiri) dan Mohd. Harun bertukar dokumen sambil disaksikan Abdul Aziz dan Abdullah.